

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA
KEDAH]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi Kementerian Kesihatan dalam menangani ledakan penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan menyedari bahawa beban penyakit tidak berjangkit atau dikenali sebagai NCD iaitu *Non-Communicable Diseases* seperti diabetes dan hipertensi dalam kalangan masyarakat amat membimbangkan. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) dijalankan oleh Kementerian Kesihatan setiap empat (4) tahun sekali untuk menganggarkan beban penyakit tidak berjangkit di negara ini. NHMS yang terkini pada tahun 2019 menganggarkan, seramai 1.7 orang dewasa menghidap tiga (3) penyakit NCD atau faktor risiko utama, manakala 3.4 juta orang dewasa menghidap dua (2) penyakit NCD atau faktor risiko utama, termasuk penyakit diabetes, hipertensi dan juga kolesterol tinggi.

2. Kementerian Kesihatan memberi fokus terhadap strategi pencegahan dan kawalan NCD pada peringkat awal mengikut *Life Course Approach* berdasarkan Pelan Strategik Kebangsaan Penyakit Tidak Berjangkit 2016-2025. Polisi, pelan dan perkhidmatan mengikut *Life*

SOALAN NO : 16

Course Approach untuk pencegahan dan kawalan NCD mengambil kira keperluan kesihatan dan sosial di semua peringkat kehidupan bermula dengan kesihatan dan pemakanan ibu (semasa *pre-conception*, *antenatal* dan *post-natal*), meneruskan amalan pemakanan bayi yang betul termasuk promosi penyusuan susu ibu, promosi amalan gaya hidup sihat yang berterusan ke arah proses penuaan yang sihat serta menjalankan program pemerksaan khusus untuk penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi melalui program *Health Promotion in Learning Institution* (HePiLI) termasuklah Program Doktor Muda, Program Ekspresi Anak Remaja Lestari (PEARL) dan Program Siswa Siswi Sihat (PROSIS); serta untuk komuniti dan warga kerja melalui program KOSPEN dan KOSPEN Plus. Daripada segi perawatan pula, kerajaan memberi intervensi menyeluruh untuk pesakit yang menghidap NCD yang mendapatkan rawatan di klinik-klinik kesihatan mahu pun hospital.

3. Disamping itu, Agenda Nasional Malaysia Sihat atau ANMS telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 7 Ogos 2020 merupakan tawaran baharu kerajaan yang bertujuan menjadikan rakyat Malaysia sihat sejahtera melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong hidup sihat. Kementerian Kesihatan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan bertindak sebagai platform peringkat tertinggi bagi membincangkan dan mengenalpasti polisi serta tindakan susulan bagi menangani NCD yang memerlukan penglibatan aktif pelbagai kementerian dan agensi. Terma rujukan utama bagi JK ANMS adalah untuk menentukan polisi dan inisiatif bagi mewujudkan persekitaran hidup yang menyokong perubahan tingkah laku masyarakat kepada amalan pemakanan yang sihat dan gaya hidup yang aktif.

Sekian, terima kasih.